**KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
TINGKAT 14, BLOK B, KOMPLEKS KERJA RAYA
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50580 KUALA LUMPUR

**Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan di Kementerian Kerja Raya Malaysia seperti berikut:**

**1.JAWATAN : TUKANG K2 - TUKANG LETRIK**
**TUKANG K2 - TUKANG LETRIK AUTOMOBIL**
**TUKANG K2 - TUKANG KUNCI**

| | | |
|---|---|---|
| a)GRED | : | R11 |
| b)KLASIFIKASI PERKHIDMATAN | : | PERKHIDMATAN MAHIR / SEPARUH MAHIR / TIDAK MAHIR |
| c)KUMPULAN PERKHIDMATAN | : | SOKONGAN |
| d)TARAF JAWATAN | : | TETAP |
| e)BILANGAN KEKOSONGAN | : | 8 |
| f)JADUAL GAJI | : | P1T1 RM892.54 - P1T15 RM1647.28<br>P2T1 RM948.08 - P2T15 RM1725.64<br>P3T1 RM1005.25 - P3T15 RM1805.63 |

**2.SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a)warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) tamat Tingkatan III sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan; atau

(ii) pekerja-pekerja dalam perkhidmatan Pekerja Rendah Awam, Pekerja Rendah Awam Khas, Pemandu Kenderaan Bermotor, Operator Loji dan Pemandu/Operator Jentera Pemunggah yang telah disahkan dalam perkhidmatan;

(d) (i) mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang ketukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

(ii) lulus Ujian Kemahiran dalam bidang ketukangan yang berkenaan (sama ada yang mempunyai atau tidak mempunyai piawaian MLVK) yang dijalankan atau diperaku oleh ketua perkhidmatan sebagai setaraf dengan Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2; dan

(e) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

## 3.SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Tukang K3 adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Tukang K2 Gred R11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a)mempunyai kelayakan di perenggan 2(d) di atas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

## 4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

(a) Permohonan boleh dibuat dengan melayari terus melalui Laman Web : ***www.jobsmalaysia.gov.my***

(b) Tarikh tutup permohonan adalah pada **10 Julai 2009**;

(c) Hanya calon-calon yang **layak selepas tapisan sahaja** akan dipanggil untuk temuduga;

(d) Pemohon-pemohon yang **tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya;

(e) Pemohon-pemohon yang pernah sebelum ini memohon jawatan di atas dikehendaki mengemukakan permohonan semula dengan lengkap, jika masih berminat; dan

(f) Pihak Kementerian Kerja Raya Malaysia tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan urusan ini.